

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR

**SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYERAHAN SUMBANGAN
RI RAYA OLEH TYT TUN CANSELOR KEPADA ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN
SERTA IBU TUNGGAL
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

TEMPAT:

**KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI
AYER KEROH, MELAKA**

TARIKH :

18 OKTOBER 2006

TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN, REKTOR KUTKM SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA OLEH TYT TUN CANSELOR KEPADA ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN SERTA IBU TUNGGAL, PADA 18 OKTOBER 2006 JAM 5.50 PETANG BERTEMPAT DI KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT WBKTH

YBHG TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB

YBHG TOH PUAN

DATO' DATIN SERI UTAMA ZURINA BINTI KASSIM

YBHG DATUK GOH SENG CHONG

PENGARAH URUSAN CUBIC ELECTRONICS

YBHG DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSILAN / INOVASI)

PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TETAMU – TETAMU JEMPUTAN,

WAKIL – WAKIL PELAJAR,

DAN SEMUA STAF YANG DIHORMATI,

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA MAKA DIBERIKAN KITA KESEMPATAN UNTUK BERSAMA-SAMA PADA MAJLIS BERBUKA PUASA HARI INI. PADA RAMADAN YANG PENUH BERKAT INI MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGINSAFI DIRI SUPAYA KITA MENJADI INSAN YANG LEBIH BERTAQWA.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB DAN YBHG TOH PUAN DATO' DATIN SERI UTAMA ZURINA BINTI KASSIM KERANA SUDI HADIR BAGI MENYERIKAN MAJLIS INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

MAJLIS BERBUKA PUASA INI ADALAH MAJLIS TAHUNAN YANG TELAH DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI PADA SETIAP KALI MENJELANGNYA RAMADAN. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA CUBIC ELECTRONICS DI ATAS SOKONGAN UNTUK SAMA-SAMA MENGANJURKAN MAJLIS BERBUKA PUASA INI SEKALI LAGI.

USAHA INI DAPAT MEMANTAPKAN LAGI HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA KUTKM DENGAN CUBIC ELECTRONICS YANG TELAH SEDIA TERJALIN. IA MENUNJUKKAN BAHAWA HUBUNGAN ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI TIDAK SEMESTINYA TERBATAS KEPADA PROGRAM AKADEMIK SEMATA-MATA TETAPI JUGA BOLEH MELIBATKAN PELBAGAI AKTIVITI LAIN TERMASUKLAH YANG BERBENTUK

KEMASYARAKATAN SEPERTI YANG DIADAKAN HARI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MAJLIS INI DIADAKAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KESEMPATAN KEPADA STAF, PELAJAR DAN JUGA TETAMU-TETAMU LAIN SUPAYA DAPAT BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA. DENGAN CARA INI KITA AKAN DAPAT MENINGKATKAN HUBUNGAN YANG LEBIH ERAT TIDAK SAHAJA DI KALANGAN STAF DAN PELAJAR, TETAPI JUGA DENGAN PENDUDUK SETEMPAT. IA ADALAH PENTING KERANA KUTKM ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KOMUNITI YANG MENGERAKKAN KEMAJUAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

PADA MAJLIS INI JUGA, PIHAK UNIVERSITI MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMBERI

SEDIKIT SUMBANGAN KEPADA ANAK-ANAK YATIM DAN IBU TUNGGAL DI SEKITAR NEGERI MELAKA. IA ADALAH SEDIKIT SUMBANGAN YANG DAPAT DIHULURKAN SEBAGAI KOMITMEN KAMI BAGI MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KEPADA MASYARAKAT. SEMOGA SUMBANGAN YANG DITERIMA INI DAPAT MEMENUHI SEDIKIT KEPERLUAN BAGI MEMERIAHKAN LAGI SAMBUTAN HARI RAYA YANG BAKAL DIRAIKAN OLEH SEMUA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

UMAT ISLAM SEHARUSNYA MENGAMALKAN SIKAP UNTUK SALING BANTU-MEMBANTU SESAMA SAUDARA TIDAK SAHAJA PADA BULAN RAMADAN TETAPI JUGA PADA SETIAP MASA. SIKAP BANTU – MEMBANTU INI TIDAK SAHAJA MERINGANKAN BEBANAN TETAPI JUGA AKAN MENINGKATKAN RASA PERSAUDARAAN DAN SALING HORMAT –

MENGHORMATI. DENGAN CARA INI UMAT ISLAM AKAN SENTIASA HIDUP DALAM SUASANA YANG HARMONI DAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN.

SELAIN ITU, KITA PERLU MENGAMBIL KESEMPATAN PADA BULAN RAMADAN INI UNTUK MELATIH MEMPERBAIKI DIRI SUPAYA MEMPUNYAI PERIBADI YANG LEBIH CEMERLANG. AMALAN BERPUASA INI SEHARUSNYA TELAH MENDIDIK KITA UNTUK MENJADI INDIVIDU YANG SENTIASA MENEPATI MASA, BERTIMBANG RASA, LEBIH PEKA DAN SALING BEKERJASAMA.

SEPANJANG RAMADHAN 1427 HIJRAH INI, PELBAGAI PROGRAM IHYA RAMADAN PERINGKAT UNIVERSITI TELAH DIATUR BAGI MENGIMARAHKAN LABI BULAN YANG PENUH BERKAT INI. IA MELIBATKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIATUR OLEH PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DAN PERSATUAN SEPERTI BAKUTKM DAN SRI

KESIDANG. PROGRAM-PROGRAM INI MELIBAT SEMUA WARGA UNIVERSITI IAITU STAF DAN PELAJAR.

ANTARA MAJLIS – MAJLIS YANG TELAH DIATUR IALAH :-

- 1) CERAMAH NUR RAMADAN
- 2) CERAMAH MARHABAN YA RAMADAN
- 3) PENGUMPULAN SUMBANGAN DAN DERMA
- 4) LAWATAN KE RUMAH RAKYAT MISKIN SEKITAR MELAKA
- 5) MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM
- 6) MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN
- 7) QIAMULAIL, BERSAHUR DAN KULIAH SUBUH

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MALAM INI IALAH MALAM KE 26 RAMADAN. DENGAN INI, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MENERUSKAN IBADAH PUASA DENGAN AZAM DAN TEKAD UNTUK MENDAPATKAN KEREDHAAN ALLAH SWT. DIHARAP KITA SEMUA DAPAT MENINGKATKAN LAGI AMALAN PADA MALAM – MALAM TERAKHIR RAMADAN DAN SETERUSNYA SAMA – SAMA MEMOHON DOA AGAR BERKAT LATIHAN YANG KITA LALUI SEPANJANG RAMADAN AL-MUBARAK INI AKAN MENJADIKAN KITA MANUSIA YANG LEBIH BAIK LAGI SELEPAS INI, INSYA-ALLAH.

AKHIR KATA SAYA BAGI PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM BERBUKA PUASA INI DAN SELAMAT MENYAMBUT

HARI RAYA AIDILFITRI YANG AKAN MENJELANG TIDAK LAMA LAGI.

SEKIAN WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH WSM WBT.